

06 FEB 2000

Sukan-LTdL (Ke-12)

MERCURY MENANG TIGA KEJUARAAN LTDL 2000

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Pasukan profesional, Mercury dari Amerika Syarikat menjadi pemenang terbanyak Le Tour de Langkawi (LTdL) 2000 apabila memenangi tiga kejuaraan di sini, hari ini.

Pasukan itu yang datang sebagai pasukan kurang dikenali, kini telah berjaya membuka mata banyak pihak apabila memenangi kejuaraan individu, Raja Pecut dan pasukan terbaik keseluruhan, dalam perlumbaan yang berakhir di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Walaupun mereka pasukan baru Jelajah ini yang kini memasuki edisi kelima tahun ini, pasukan yang beroperasi di Amerika Syarikat itu membuktikan mereka adalah pasukan yang perlu diberi perhatian pada jelajah akan datang.

Christopher Horner, yang merampas jersi kuning dari Mark Walters dari Kanada pada perlumbaan peringkat keenam dari Bentong ke Kuantan muncul sebagai pelumba terbaik keseluruhan dalam perlumbaaan 12 hari itu.

Horner, 29, mencatat masa keseluruhan 38 jam 34 minit 39 saat, mendahului 27 saat dari Julio Alberto Perez (Panaria Gaerne Itali) dan ketiga Fortunato Baliani dari pasukan Aguardiente Nectar, 29 saat di belakang Horner.

"Kami hanya tahu kami hebat selepas berlumba dengan baik di sini.

"Pada awalnya, saya sendiri tidak mahu datang ke Malaysia kerana semasa latihan di kem latihan, saya telah memegang kereta pasukan terlalu lama. Saya telah memberitahu pengurus pasukan, saya tidak mahu ke sini.

"Tetapi selepas 20 jam dalam penerbangan, ia hanya mengambil saya 20 minit untuk saya mahu bertanding dan kemenangan ini sungguh bermakna," kata beliau yang tidak menyangka akan menang juara keseluruhan, selepas perlumbaan hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Gordon Fraser yang mengumpul 111 mata memenangi jersi hijau sebagai Raja Pecut, manakala pasukan Mercury juga memenangi kejuaraan berpasukan keseluruhan dengan mengumpul masa 115 jam 44 minit 59 saat untuk menolak Afrika Selatan dan Linda McCartney dari Great Britain, masing-masing di tempat kedua dan ketiga.

Malaysia, yang tahun lepas memenangi juara keseluruhan kategori pasukan Asia Timur, mendapat tempat ke-15 keseluruhan dan ketiga antara pasukan Asia Timur di belakang Jepun dan Filipina. Jepun yang diwakili oleh Hidenori Nodera, Tashiro Yasutaka, Hirose Yoshimasa, Iijima Makoto dan Hideto Yukinari mencatat masa keseluruhan 116:16:21s, manakala Filipina 116:48:42s.

Musairi Musa, Tsen Seong Hoong, Suhami Keton, Shahrulneeza Razali, Wong Ah Thiam dan Mahadzir Hamad, yang mewakili Malaysia, mencatat masa 116:54:49s.

Perez, yang memenangi peringkat paling sukar pada jelajah ini di Genting Highlands pada peringkat ke-10, merampas jersi berbintik merah untuk memenangi kejuaraan sebagai Raja Mendaki Bukit.

Mercury mengakhiri pencapaian cemerlangnya apabila Jan Bratkowski memenangi peringkat ke-12 perlumbaan kriterium Kuala Lumpur, sebanyak 12 pusingan dan sejauh 6.3km setiap pusingan, hari ini.

Bratkowski tiba dulu di garis penamat, diikuti oleh Antonio Cruz dari

pasukan Saturn, Amerika Syarikat dan Volker Ordowski dari Gerolsteiner, Jerman dengan ketiga-tiga pelumba mencatat 1 jam 45 minit dan 48 saat.

-- BERNAMA

ERE zb